



Institut Tadbiran Awam Negara

SYARAT-SYARAT DAN GARIS PANDUAN UNTUK PENYERAHAN ARTIKEL AKHBAR

1. Artikel akhbar ditulis mengenai bidang-bidang ekonomi, kewangan, perdagangan, polisi awam, hubungan antarabangsa, inovasi, bahasa, kepimpinan dan lain-lain disiplin yang berkaitan dengan perkhidmatan awam. Peranan INTAN hendaklah dimasukkan di mana berkaitan dan tidak perlu sekiranya tiada hubung kait.
2. Artikel akhbar yang ditulis adalah karya asli dan belum pernah diterbitkan dalam apa jua penerbitan. Bagi memastikan keaslian penulisan, semakan Turnitin perlu dijalankan diperingkat Pusat/ Program/ Unit/ Kampus Wilayah. Laporan semakan tersebut wajib disertakan bersama **Borang Penyerahan Artikel untuk Terbitan Akhbar INTAN (Lampiran B)**.
3. Semua penyerahan hendaklah menggunakan tulisan font *Arial* bersaiz 12, dalam jarak langkau satu (*single-spacing*), ditaip di atas kertas bersaiz A4 dan dalam format *Microsoft Word*.
4. Panjang artikel akhbar terhad kepada 750 patah perkataan sahaja.
5. Halaman tajuk perlu disediakan dan maklumat penulis di hujung artikel harus mengikut format di bawah:

Nama:	
Jawatan:	
No. Telefon:	
Emel:	

6. Penulis boleh menyertakan gambar digital terkini sekiranya ingin pihak akhbar menyiarkan gambar berkenaan bersama artikel.
7. *Soft copy* artikel akhbar yang disumbangkan hendaklah dihantar melalui e-mel atas tajuk **Sumbangan Artikel Akhbar** ke alamat emel **tintaintan@intanbk.intan.my** berserta salinan (**cc**) kepada Ketua Pusat Penyelidikan dan Konsultasi serta Ketua Pusat/Program/Unit/Pengarah Kampus Wilayah masing-masing.
8. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada :

URUS SETIA TINTA INTAN

Pusat Penyelidikan dan Konsultasi
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Kampus Utama Bukit Kiara
Jalan Bukit Kiara
50480 Kuala Lumpur
Tel: 03-2084 7363/ 7561
Emel: tintaintan@intanbk.intan.my